

Media Title : Harian Metro
Headline : Guru berputih mata lenyap RM200k diperdaya 'polis', 'wakil syarikat utiliti'
Date : 5 December 2024
Section : Lokal
Page : 10



Guru berputih mata lenyap RM200k diperdaya 'polis', 'wakil syarikat utiliti'

Muar: Gara-gara percaya dengan dakwaan terbabit dalam aktiviti ubah suai meter elektrik, seorang guru lelaki kerugian hampir RM200,000 selepas ditipu dua individu menyamar pegawai polis dan wakil syarikat utiliti.

Mangsa berusia 54 tahun itu mendakwa menerima panggilan pada jam 3 petang, 24 November lalu daripada seorang individu yang memperkenalkan diri wakil dari syarikat utiliti.

Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz ber-



RAIZ Mukhliz

kata, dalam panggilan itu, suspek memberitahu mangsa terbabit dalam aktiviti ubah suai meter elek-

trik.

Katanya, pada masa sama suspek memberitahu mangsa mempunyai wang tangkap yang sudah dikeluarkan terhadapnya.

"Panggilan kemudian disambung kepada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai polis yang turut menyatakan mangsa terbabit dalam aktiviti penggubahan wang haram.

"Pada masa sama pegawai polis itu meminta mangsa membuat bayaran bagi membuktikan dia tidak melakukan kesalahan

itu.

"Oleh kerana takut dan percayakan dakwaan itu, mangsa melakukan 19 transaksi dalam lapan akaun berbeza yang keseluruhannya berjumlah RM198,550," katanya dalam kenyataan.

Raiz Mukhliz berkata, susulan itu, mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar semalam untuk tindakan lanjut.

"Siasatan lanjut masih dijalankan dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.